

KPDNHEP lulus barang tiruan RM1.09 juta

ZULKIFLI MANZOR

18 September 2019 12:32 PM



Rosli Ahmad (tiga dari kiri) melupuskan barang tiruan di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP di Nilai, Negeri Sembilan hari ini.

NILAI - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melupuskan pelbagai barang tiruan bernilai kira-kira RM1.09 juta hari ini.

Timbalan Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP, Rosli Ahmad berkata, barang tiruan itu termasuk kasut, beg tangan, dompet, aksesori telefon dan minuman keras.

"Kesemua barang yang dilupuskan ini adalah daripada 33 kes rampasan dibawah Akta Perihal Dagangan 2011 sejak beberapa tahun lalu.

"Barang tiruan ini dilupuskan selepas semua kes itu selesai sama ada secara kompaun atau tindakan di mahkamah. Kebanyakannya kes di Kuala Lumpur dan Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Pelupusan Ekshibit Bilangan 6/2019 di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP di sini hari ini.

Rosli berkata, sejak Januari hingga Julai lalu, KPDNHEP telah melakukan sebanyak lima pelupusan barang tiruan bernilai RM1.87 juta melibatkan 173 kes sitaan. - K! ONLINE